

## **AMANAT KETUA PENGARAH MAMPU**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Kegemilangan

Salam 1Malaysia; Rakyat Didahulukah, Pencapaian Diutamakan

Salam Sehati Sejiwa

Setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, terhasil penerbitan sulung *Newsletter* MAMPU yang berjudul Citra MAMPU. Sekalung tahniah dan terima kasih juga diucapkan kepada Sidang Redaksi MAMPU yang berjaya merealisasikan penerbitan ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat tahun baru kepada warga MAMPU. Semoga tahun 2016 ini penuh dengan keazaman untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Sebagai peneraju Transformasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam, MAMPU perlu sentiasa berada di hadapan dan memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam sentiasa ditambah baik selari dengan agenda transformasi negara untuk memberikan perkhidmatan yang efektif, efisien, integriti dan responsif. Justeru, bagi memastikan MAMPU kekal relevan, MAMPU perlu mempergiatkan promosi produk dan perkhidmatan MAMPU agar dapat disebarluaskan kepada semua rakyat. MAMPU perlu meningkatkan usaha dan menyertai pertandingan di peringkat nasional dan antarabangsa supaya produk-produk MAMPU dapat dikenali dan imej MAMPU dapat ditingkatkan.

Sebagai tulang belakang kepada transformasi perhidmatan awam, adalah penting untuk MAMPU menghebahkan aktiviti dan program yang dianjurkannya supaya setiap inisiatif produk dan perkhidmatan MAMPU sampai kepada golongan sasaran. Ini termasuk mempergiatkan promosi terhadap projek/ produk ICT MAMPU supaya perkembangan ICT dan maklumat ICT dapat dikongsikan dengan semua agensi sektor awam, selaras dengan peranan MAMPU sebagai perancang dan peneraju dalam pembangunan ICT sektor awam.

Saya percaya dengan adanya penerbitan seumpama ini, segala aktiviti/ program dan projek/ produk MAMPU secara tidak langsung dapat diwar-warkan kepada semua agensi sektor awam sekali gus mengangkat kredibiliti dan imej MAMPU sebagai penggerak dan agen perubahan pentadbiran dan pengurusan bagi perkhidmatan awam.

Akhir kalam, saya menyeru agar semua warga MAMPU bersama-sama mempromosikan produk dan perkhidmatan MAMPU agar dapat dikongsikan dengan semua pihak. Saya juga berharap agar semua warga MAMPU mengambil langkah proaktif dan bersama-sama melaksanakan transformasi sistem penyampaian perkhidmatan awam supaya MAMPU sentiasa relevan dalam memodenkan pentadbiran perkhidmatan awam negara.

**DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN**  
**Ketua Pengarah**  
**MAMPU**